

# Ravi Singh

Ketua Pengarah Eksekutif & Pengasas  
ElectionMall® Technologies, Inc.

Ravi Singh merupakan Ketua Pengarah Eksekutif dan pengasas ElectionMall® Technologies, Inc, sebuah syarikat penyelesaian teknologi yang bersifat non-partisan yang menawarkan peralatan dalam talian, perkhidmatan dan produk yang membantu calon dan parti politik memenangi pilihanraya menggunakan Internet. Terkenal dengan teknologi kempen berasaskan perkhidmatan sebagai perisian, ElectionMall® telah bekerjasama dengan lebih 600 buah kempen pada tahun 2008 dan telah membuka dua buah francais di Mexico dan Ukraine pada tahun 2009 seterusnya mempelopori teknologi baru dalam demokrasi. Mendapat sorotan majalah BusinessWeek® keluaran Mac 2004 dalam ruangan "Click the Vote"; ElectionMall® merupakan antara syarikat teknologi yang terbesar dan paling cepat berkembang di Amerika Syarikat. Mempunyai pejabat di Washington D.C., Chicago, Los Angeles, Brussels, Kiev dan Mexico City, ElectionMall menyediakan "kedai sehenti" yang unik untuk calon pilihanraya sejak tahun 2000.

Singh, dikenali sebagai "campaign guru" dalam artikel USA Today®, telah berucap di peringkat antarabangsa untuk mempromosikan eDemokrasi seperti di Parlimen Kesatuan Eropah di Belgium, Sidang Bangsa-bangsa Bersatu di Guadalajara, Mexico dan Forum Demokrasi Peribadi di New York dan Madrid, serta berucap di universiti-universiti luar negara. Dalam ucapannya, Ravi sentiasa menggalakkan pemimpin dunia untuk menggunakan laman rangkaian sosial dan sentiasa berdialog dengan akar umbi. Pada tahun 2008, Ravi telah menerima anugerah "Rising Star" daripada majalah Campaigns and Elections®. Anugerah "Rising Star" diberikan kepada mereka yang berusia di bawah 35 tahun yang telah banyak menyumbang dalam bidang politik. Pada tahun 2004, majalah USA Weekend® telah menamakan Ravi sebagai "lima orang pemilik laman web yang mampu mengubah bagaimana anda mengundi pada bulan November."

Anak lelaki sulung kepada pendatang Amerika Syarikat ini memulakan perjalanan politik beliau pada usia muda 14 tahun, apabila beliau tidak dibenarkan memasuki Akademi Tentera Amerika Syarikat kerana memakai serban. Dengan bantuan Senator Paul Simon dan Ahli Kongres Dennis Hastert, sebuah perundangan yang ditandatangani oleh Ronald Reagan pada tahun 1984 telah diperkenalkan. Perundangan ini telah membolehkan Ravi Singh menamatkan pengajiannya dengan kepujian penuh sebagai Leftenan Kedua dan menjadikan beliau warga Amerika pertama yang memakai serban yang berjaya menamatkan pengajian di Akademi Tentera tersebut.

## Pusat Sehenti ElectionMall.com.my

Pada tahun 1995, beliau mengajar warga Illinois "bagaimana untuk menggunakan Internet dan melayari Yahoo!®." Pada tahun 1996 pula, beliau membantu Jawatankuasa Perancangan Kebangsaan Asia Amerika untuk mengumpul alamat emel untuk Pilihanraya Presiden 1996. Kemudian, beliau berkhidmat sebagai pembantu pentadbiran untuk Gabenor Leftenan dan Perbendaharaan Negeri Illinois. Ketika berusia 25 tahun, minat terhadap politik telah mendorong beliau untuk bertanding. Beliau menjadi warga Asia Amerika dan Sikh yang memakai serban pertama yang bertanding dalam Pilihanraya Daerah Illinois ke 42. Semasa berkempen, beliau telah mencatat sejarah dengan melancarkan "perjumpaan komuniti dalam talian" yang pertama. Beliau juga menjadi calon pertama di daerah tersebut yang mempunyai laman web kempen.

Setelah itu, Ravi telah mengasaskan ElectionMall® Technologies, Inc. pada tahun 2000 dan menjadi antara yang pertama dalam industri politik yang menghantar kad elektronik yang unik melalui Internet yang dikenali sebagai eYardSigns®. Kad ini telah digunakan oleh George W. Bush dan Jawatankuasa Demokratik Kebangsaan semasa kempen Presiden pada tahun 2000. Pada tahun 2004 ElectionMall telah mendapat liputan CNN® dan PC Magazine® apabila mempelopori debat animasi dalam talian yang pertama dan ditayangkan di www.electionmall.tv.

Sebagai "pelopor industri" dengan paten berdaftar, Ravi dan ElectionMall merupakan satu-satunya lembaga pendaftar dalam talian yang menyediakan sijil pengesahan digital untuk calon, kempen dan laman web parti politik. Program eksklusif dalam talian yang dikenali sebagai ElectionSecurity™ ini memastikan kepercayaan, keselamatan dan perlindungan bagi pilihanraya, kempen dan calon.

Ravi Singh, dilahirkan dan dibesarkan di Amerika Syarikat mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Valparaiso dan Ijazah Sarjana Sains Politik dari Universiti Northwestern. Beliau juga merupakan ahli EAPC (Eropah), AAPC (Pertubuhan Perunding Politik Amerika) dan IAPC (Antarabangsa) sebagai ahli lembaga pengarah. Beliau telah menulis dua buah buku serta pelbagai artikel. Buku beliau yang pertama, *Leadership by Turban* kini boleh didapati di Amazon®.com sementara buku kedua beliau, *Democracy 2.0* akan diterbitkan pada tahun 2010. Beliau telah menulis sebuah artikel berkenaan Pengurusan Hubungan Kempen dan "Voter Space" untuk Universiti George Washington. Beliau kini tinggal di Washington D.C. dan boleh diikuti di Twitter di @CampaignGuru.



where every day is a campaign

